



## **GARIS PANDUAN PENGENDALIAN AKTIVITI AKADEMIK DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan menjelaskan pengendalian aktiviti akademik di UKM semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan selaras dengan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 16 Mei 2020, kenyataan media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 27 Mei 2020 dan Surat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 3 Jun 2020.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Selaras dengan kenyataan Kementerian Pengajian Tinggi pada 27 Mei 2020 dan Surat Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 3 Jun 2020, semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pelajar UKM hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga **31 Disember 2020**.
- 2.2. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada lima (5) kategori pelajar berkeperluan untuk pulang ke kampus **secara berperingkat** bagi melaksanakan aktiviti akademik di kampus.

### **3. TARIKH PELAJAR MULA DIBENARKAN KE KAMPUS**

Bagi mengekalkan keselamatan Kampus agar bebas daripada wabak COVID-19 ini, kampus UKM dibuka bagi kemasukan pelajar secara berperingkat **mulai 10 Jun 2020**.

### **4. KATEGORI PELAJAR TERLIBAT**

#### **4.1 Pelajar Pasca-Siswazah Mod Penyelidikan Yang Bekeperluan**

Pelajar ini diberikan kebenaran menyambung penyelidikan dengan kadar segera. Kelonggaran ini hanya dibenarkan kepada pelajar yang berkeperluan hadir secara fizikal ke makmal, bengkel, studio reka bentuk atau memerlukan peralatan khusus bagi menjalankan penyelidikan. Pelajar kategori ini **dibenarkan memasuki kampus seawal 10 Jun 2020**.

#### **4.2 Pelajar Semester/ Tahun Akhir Bagi Pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda Yang Memerlukan Praktikal dan Peralatan Khas**

Pelajar Semester/ Tahun Akhir bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khusus bagi melengkapkan pengajian untuk bergraduat. Mereka perlu melaksanakan kerja-kerja klinikal, latih amal, makmal, bengkel, studio reka bentuk, praktikal atau yang memerlukan peralatan khusus mengikut keperluan badan profesional. Pelajar dalam kategori ini **dibenarkan memasuki kampus seawal 1 Julai 2020.**

#### **4.3 Pelajar Semester/ Tahun Akhir Yang Tiada Akses dan Persekutaran Tidak Kondusif**

Pelajar Semester/ Tahun Akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP secara dalam talian. Pelajar kategori ini **dibenarkan memasuki kampus seawal 1 Julai 2020.**

#### **4.4 Pelajar Baharu Sesi Akademik 2020/2021**

Pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2020/2021 peringkat Asasi **dibenarkan memasuki kampus seawal 1 Ogos 2020** dan peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah Mod Penyelidikan **dibenarkan memasuki kampus seawal 1 Oktober 2020.** PdP akan dijalankan secara dalam talian kecuali aktiviti makmal, bengkel, studio atau yang memerlukan peralatan khusus.

### **5. PROSEDUR KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

- 5.1. Pelajar yang dibenarkan memasuki kampus seperti dinyatakan pada Perkara 4.1 hingga 4.3 untuk tujuan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta aktiviti penyelidikan perlu mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan seperti berikut:
  - 5.1.1 Membuat permohonan kebenaran hadir ke kampus daripada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat masing-masing dan mendapatkan Surat Kebenaran Menyambung Semula Kerja Penyelidikan Makmal atau Surat Kebenaran Menjalankan Aktiviti PdP di dalam Kampus yang ditandatangani oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat masing-masing (rujuk contoh seperti **LAMPIRAN A**).
  - 5.1.2 Pelajar diwajibkan membuat Deklarasi Kesihatan dengan mengisi Borang Pengisyntiharan Kesihatan (rujuk **LAMPIRAN B**). Borang tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak Fakulti/Institut/Pusat untuk penilaian.
  - 5.1.3 Pelajar hanya dibenarkan masuk menerusi pintu utama dan membawa bersama Surat Kebenaran Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat masing-masing.
- 5.2. Pelajar baharu yang dibenarkan memasuki kampus seperti dinyatakan pada Perkara 4.4 perlu mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan seperti berikut:

- 5.2.1. Mendapat surat kebenaran hadir ke kampus daripada Pusat Pengurusan Akademik atau Pusat Kembangan Pendidikan atau Pusat Genius@Pintar Negara (Asasi Pintar).
- 5.2.2. Pelajar diwajibkan membuat Deklarasi Kesihatan dengan mengisi Borang Pengisyntiharhan Kesihatan (rujuk **LAMPIRAN B**). Borang tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak Kolej Kediaman untuk penilaian.
- 5.2.3. Pelajar hanya dibenarkan masuk menerusi pintu utama dan membawa bersama Surat Kebenaran Memasuki Universiti.

## **6. PENGINAPAN DI KOLEJ KEDIAMAN**

- 6.1 Kebenaran hadir ke kampus daripada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat adalah tidak termasuk kebenaran kembali menginap di kolej kediaman.
- 6.2 Sebarang pertanyaan berkenaan urusan penginapan di kolej kediaman boleh terus hubungi pejabat Pusat Perumahan Pelajar di talian 03-8921 4367 atau e-mel pgpperumahan@ukm.edu.my .

## **7. PELAKSANAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN & KERJA-KERJA AMALI DI FAKULTI/ INSTITUT/ PUSAT**

Warga UKM hendaklah pada setiap masa mematuhi Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) UKM dari semasa ke semasa.

## **8. LANGKAH KESELAMATAN KETIKA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DI KAMPUS**

- 8.1. Tanggungjawab Fakulti/Institut/Pusat ketika sesi PdP di dalam kampus perlu mematuhi perkara berikut:
  - a) Memastikan penjarakan sosial dipatuhi di dalam ruang pembelajaran dengan memastikan terdapat ruang kosong (iaitu jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter) di antara kerusi, meja dan kedudukan pelajar ketika berada di bilik kuliah atau kelas selaras dengan saiz bilik.
  - b) Menyedia dan menghebahkan jadual penggunaan/penggiliran bilik kuliah/ makmal/ studio/ bengkel kepada pelajar.
  - c) Meminimumkan dan mengawal jumlah pelajar yang berada di dalam ruang pembelajaran pada satu-satu masa dengan membahagiakan pelajar kepada kumpulan yang lebih kecil semasa sesi PdP bersemuka selaras dengan saiz bilik.
  - d) Memastikan satu daftar nama pengguna yang menggunakan kemudahan bilik kuliah/ makmal/ studio/ bengkel disediakan.
  - e) Memastikan tiada aktiviti berkumpulan yang tidak dipantau oleh tenaga pengajar.

- f) Memastikan aspek kebersihan dan keselamatan diutamakan di dalam ruang pembelajaran dengan menyediakan pensanitasi tangan, kepada pelajar dan kakitangan dan menggalakkan pemakaian pelitup muka.
- g) Melaksanakan pembersihan dan disinfeksi secara berjadual di dalam ruang pembelajaran dan ruang guna sama sebelum dan selepas sesi PdP.
- h) Memastikan disinfeksi dijalankan terhadap bahan atau peralatan makmal yang diterima daripada pembekal.
- i) Menjalankan aktiviti PdP secara dalam talian dengan merujuk Pekeliling Pengajaran-UKM Bil.7/2020: Garis Panduan Penggunaan Asas UKMFolio™ Dalam Kalangan Pelajar bertarikh 13 Mei 2020.
- j) Segera memaklumkan kepada PKU jika terdapat pelajar yang bergejala COVID-19.

#### 8.2. Tanggungjawab Pelajar

- a) Mematuhi pekeliling, peraturan, arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan universiti.
- b) Mendapatkan kebenaran daripada pihak universiti sebelum memasuki kawasan kampus.
- c) Mengisi pengisyiharan kesihatan dengan jujur.
- d) Menyemak dan mematuhi jadual penggunaan/penggiliran bilik kuliah/ makmal/ studio/ bengkel yang telah ditetapkan pihak fakulti/institut/pusat.
- e) Elakkan 3C – Mengelak berada di ruang sesak (*crowded space*), bercakap jarak dekat & tidak bersalaman/bersentuhan (*close conversation*) dan berkumpul dalam ruang tertutup (*confined space*).
- f) Amalkan 3W – Sentiasa basuh tangan (*wash*), memakai 3-ply topeng hidung dan mulut (*worn*) dan tertib batuk/bersin (*warn*)
- g) Memaklumkan kepada Fakulti/Institut/Pusat dan PKU jika terdapat sebarang gejala awal COVID-19.
- h) Bersedia menjalani ujian Covid-19 sekiranya diarahkan oleh PKU.

### 9. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 9.1 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) yang berkuat kuasa.
- 9.2 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **10 Jun 2020**. Ia terpakai khusus sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di UKM.
- 9.3 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk dari semasa ke semasa kepada perubahan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan UKM. Justeru, garis panduan ini akan tidak terpakai/terbatal sekiranya berlaku sebarang perubahan arahan daripada Kerajaan Malaysia dan Universiti.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

9 Jun 2020



## FAKULTI FARMASI • FACULTY OF PHARMACY

Rujukan:  
Tarikh:

Nama Pelajar :  
 No Matrik :  
 Program Pengajian : Sarjana Sains (Penyelidikan)/Doktor Falsafah  
 (Penyelidikan) Saudara/Saudari,

**KEBENARAN UNTUK MENYAMBUNG SEMULA KERJA PENYELIDIKAN MAKMAL DI  
FAKULTI FARMASI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada kandungan ucapan Menteri Kanan Keselamatan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada 17 Mei 2020 dan arahan terkini daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kerajaan Malaysia yang berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saudara/saudari diberi kebenaran untuk menyambung semula kerja penyelidikan di makmal-makmal Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur bermula pada **27 Mei 2020**.
3. Walaubagaimanapun, kerja-kerja di makmal perlu dijalankan mengikut garis panduan yang menitikberatkan pemantauan suhu badan, pencucian tangan secara kerap, penjarakan sosial, pemakaian topeng muka dan mematuhi arahan keselamatan makmal.

Segala perhatian dan kerjasama saudara/saudari berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**'MENERAJUI FARMASI UNTUK KESIHATAN'**

Yang benar,  
**PROFESOR MADYA DR. MOHD MAKMOR BAKRY**  
 Dekan  
 Fakulti Farmasi  
 Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k. - Timbalan Dekan (Akademik)  
 - Ketua Program Siswazah



## FAKULTI FARMASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz 50300 UKM Kuala Lumpur, Malaysia  
 Tel.: +603-9289 7783 Faks: +603- 2698 3271 E-mel: rosmizamusa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/farmasi



# BORANG PENGISYIHKAN KESIHATAN / HEALTH DECLARATION FORM



**1. Adakah anda mengalami gejala-gejala berikut?**

*Do you have these symptoms?*

- |  |          |            |
|--|----------|------------|
| a) Demam / Fever                         | Ya / Yes | Tidak / No |
| b) Batuk / Cough                         | Ya / Yes | Tidak / No |
| c) Selsema / Flu                         | Ya / Yes | Tidak / No |
| d) Sesak nafas / Difficulty in breathing | Ya / Yes | Tidak / No |

**2. Adakah anda pernah disahkan positif COVID-19?**

*Have you been declared as a positive COVID-19?*

Ya / Yes      Tidak / No

**3. Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan mereka yang disahkan POSITIF COVID-19?**

*Do you have history of close contact with anyone who has been Diagnosed as COVID19 POSITIVE?*

Ya / Yes      Tidak / No

**4. Adakah anda mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari yang lepas?**

*Do you have history of travelling to overseas for the last 14 days?*

Ya / Yes      Tidak / No

**5. Adakah anda sedang menjalani perintah kawalan kuarantin di rumah yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia?**

*Are you currently under strict home quarantine as instructed by Ministry of Health Malaysia?*

Ya / Yes      Tidak / No

**Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah betul dan tepat. Tindakan boleh dikenakan jika maklumat yang diberikan adalah palsu.**

*I hereby declare that all the information given in this form is true and correct. Action can be taken if the information provided is false.*

Nama / Name : .....

No. KP / NRIC: ..... No. Tel: .....

IPT/Fakulti: .....

T/Tangan / Signature :

Definition close contact :

- Health care associated exposure, including providing direct care for COVID-19 patients, working with health care workers infected with COVID-19, visiting patients or staying in the same close environment of a COVID-19 patient.
- Working together in close proximity or sharing the same classroom environment with a COVID19 patient
- Traveling together with COVID-19 patient in any kind of conveyance
- Living in the same household as a COVID-19 patient.